



Headline: Ranau catat 35 kes tipu, kerugian RM543,369  
Publication/Portal: Utusan Borneo (Sabah)  
Date: 14 January 2022

Language: Malay  
Section: Nasional  
Page: 2

# Ranau catat 35 kes tipu, kerugian RM543,369

Kerugian besar melibatkan penipuan pelaburan pinjaman tidak wujud, diikuti penipuan Macau Scam

Oleh Vivi Olivia Najurus

**RANAU:** Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Ranau mencatatkan 35 kes penipuan membabitkan nilai kerugian mencecah RM543,369 sepanjang tahun lalu.

Ketua Polis Daerah Ranau, Deputy Superintendan Simiun Lomudin, berkata walaupun jumlah kes penipuan menurun 16 kes berbanding tahun 2020, tetapi nilai kerugian menunjukkan peningkatan sebanyak RM221,281 iaitu daripada RM257,751 bagi tahun 2020 kepada RM543,369 bagi tahun 2021.

"Setakat semalam, IPD Ranau sudah mencatatkan peningkatan kes iaitu sebanyak tiga kertas siasatan dibuka dengan kerugian RM211,323 berbanding hanya dua kes dengan kerugian RM34,460 pada Januari 2021," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Katanya, sehingga Disember tahun lalu, 80 peratus aduan yang diterima adalah berkaitan pinjaman tidak wujud dan 15 peratus berkaitan pelaburan tidak wujud, manakala 5 peratus lagi adalah melibatkan pelbagai penipuan.

"Kerugian yang besar adalah melibatkan penipuan pelaburan pinjaman tidak wujud melalui Facebook dan penipuan Macau Scam dengan menyamar sebagai pegawai polis, pegawai LHDN, kastam, SPRM serta pegawai perbankan.

"Antara kes penipuan yang



SIMIUN

dilaporkan di daerah ini termasuklah kes tipu pelaburan, pinjaman tidak wujud, tawaran kerja secara dalam talian, pemalsuan dokumen, jual beli kenderaan yang tidak wujud, tipu nombor TAC, pengeluaran wang dari akaun yang menyamar sebagai pegawai awam.

"Kes penipuan juga dibuat melalui e-Dagang di medium media sosial termasuk Facebook dan Instagram, serta penjualan duit syiling lama, jual beli kenderaan, barangan elektrik serta telefon bimbit," katanya.

Menurutnya, peningkatan kes penipuan di Ranau agak membimbangkan dan berdasarkan kajian yang sudah dilaksanakan, golongan pelajar dan orang awam mencatatkan jumlah mangsa terbesar yang terlibat didalam kes penipuan ini.

"Hampir 80 peratus daripada aduan yang diterima adalah melibatkan orang awam dan 20 peratus pula melibatkan kakitangan awam

yang masih berkhidmat serta yang sudah bersara.

"Oleh itu saya nasihatkan orang ramai di daerah ini agar sentiasa berwaspada dengan pelbagai kes penipuan menerusi talian yang tidak wujud," katanya.

Menurutnya, orang ramai juga perlu sentiasa berwaspada dalam apa juga urusan dengan orang yang dikenali atau sebaliknya selain berhati-hati apabila mendapat panggilan dari mana-mana agensi penguatkuasaan yang meminta data peribadi termasuk data perbankan.

"Jangan sesekali menyerahkan atau meminjamkan sebarang dokumen dan akaun milik sendiri kepada sesiapa-pun untuk mengelakkan diri dari menjadi mangsa penipuan serta penyalahgunaan akaun untuk tujuan penipuan yang mengakibatkan pemilik akaun didakwa.

"Orang ramai yang berasa tertipu dalam urusan dalam talian atau apa juga urusan yang mencurigakan boleh menghubungi balai polis berhampiran atau menghubungi IPD Ranau di talian 088-878476 atau Bahagian Siasatan Jenayah Komersil 088-875222 sambungan 226.

"Orang ramai juga boleh melayari laman web <http://ccid.rmp.gov.my/> semak-mule, sentiasa beringat dan jangan hanya kerana sikap tamak dan keinginan yang tinggi mengakibatkan anda mengalami kerugian," katanya.